

Melukis Jalur Gemilang Terpanjang UniMAP

Oleh: En. Mohamad Hafiz Mohamad Shokri

Kampung Wai. Tanggal 31 Ogos 2011 negara kita sekali lagi akan menyambut sambutan hari kemerdekaan yang ke 54. Sempena dengan sambutan hari bersejarah tersebut, Universiti Malaysia Perlis juga tidak ketinggalan untuk bersama-sama menyemarakkan semangat patriotik kepada pelajar UniMAP dan juga pelajar-pelajar sekolah berdekatan.

Program tersebut telah diadakan di Kolej Kediaman Tun Ghaffar Baba (KKF). Seramai 200 peserta terdiri daripada pelajar – pelajar UniMAP dan pelajar sekolah berdekatan yang terlibat bagi menjayakan program tersebut. Antara sekolah – sekolah yang terlibat ialah Sekolah Kebangsaan Seberang Ramai, Sekolah Menengah Kuala Perlis dan Sekolah Kebangsaan Kuala Perlis.

Program tersebut merupakan kerjasama antara pihak Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dengan Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2010/2011. Sehari sebelum program pihak Majlis Perwakilan Pelajar telah pun menyiapkan rangka bendera tersebut dengan Program tersebut bermula pada jam 9 pagi dan tamat pada jam 1 petang. Program tersebut telah dirasmikan oleh Yang Berusaha En Razli b. Ahmad Penolong Naib Canselor UniMAP.

Bendera jalur gemilang tersebut adalah sepanjang 250 meter telah mencatat rekod Jalur Gemilang yang terpanjang yang pernah dibina oleh pelajar-pelajar UniMAP.

Antara objektif utama program tersebut ialah untuk menyedarkan kepada pelajar UniMAP khususnya dan pelajar sekolah amnya mengenai betapa pentingnya semangat patriotisme dan cintakan tanahair kita. Selain itu ia juga merupakan antara proses untuk mengadakan talian perhubungan antara pihak Hal Ehwal Pelajar bersama sekolah yang berdekatan dengan Pekan Kuala Perlis. Ikatan kemesraan antara semua pelajar telah terjalin walaupun masih berada dalam bulan Ramadhan.

Secara kesimpulannya, sambutan bulan kemerdekaan yang dianjurkan di peringkat Universiti merupakan tanda berterima kasih kepada pemimpin-pemimpin kita yang sanggup berjuang demi Agama, Bangsa dan Negara bagi memastikan kehidupan rakyat Malaysia terus makmur dan damai selaras dengan konsep Gagasan 1 Malaysia yang dipacu oleh YAB Perdana Menteri kita.